



To quote:

**Rizani Zakaria**  
**Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)**

## **KENYATAAN MEDIA**

# **GEG AKAN BERI KESAN KEPADA INDUSTRI TEMPATAN**

Kerajaan telah mengumumkan pada Bajet2023 bahawa Kerajaan menyokong ikhtiar Generasi Penamat (GEG) yang akan melarang penjualan vape kepada pengguna pada masa hadapan.

Larangan penjualan vape ini akan memberikan kesan kepada industri tempatan termasuk pengilang, peruncit dan pengguna.

Kerajaan seharusnya mengambil kira potensi industri vape di Malaysia dan juga kesan kepada industri tempatan dengan polisi ini.

Industri telah berjuang sejak sekian lama agar satu undang-undang serta peraturan yang bersesuaian untuk mengawal industri vape diperkenalkan. Oleh itu, MVIA memohon Kerajaan untuk mengkaji semula GEG sebelum membuat sebarang keputusan.

Pada masa yang sama, MVIA juga memohon agar Kerajaan melibatkan pemain industri dalam perbincangan berkenaan cukai yang bakal dikenakan ke atas produk vape dan cecair bernikotin.

MVIA memohon Kerajaan mempertimbangkan kadar cukai vape dan cecair bernikotin bersesuaian dan tidak terlalu tinggi supaya tidak membebankan industri dan harga produk tidak menjadi terlampau mahal.